

DATE: 03 FEBRUARY 2012
PUBLICATION: BERITA HARIAN
SECTION: BISNES
HEADLINE: CYPARK DAPAT KONSESI PROJEK BARU
CATEGORY: COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 258.00 SQ.CMS

Cypark dapat konsesi projek baru

Syarikat terima surat kelulusan, laksana kaedah BOT di Negeri Sembilan

Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@bharian.com.my

CYPARK Resources Bhd (Cypark), syarikat teknologi dan kejuruteraan alam sekitar tempatan, mendapat konsesi bagi projek tapak pelupusan terkawal baru di Ladang Tanah Merah, Negeri Sembilan, dengan kapasiti operasi pengurusan sisa pepejal perbandaran (MSW) melebihi 1,000 tan sehari.

Syarikat itu dalam pengumannya kepada Bursa Malaysia, berkata ia sudah menerima surat kelulusan daripada kerajaan bagi melaksanakan projek itu menerusi kaedah bina, kendali dan pindah (BOT).

Ia katanya, tertakluk terma dan syarat yang bakal dipersetujui, melalui perkongsian awam-swasta.

Lanjutan daripada kelulusan itu, Cypark menyasar rundingan bagi memuktamadkan dan mengesahkan perjanjian konsesi itu akan dapat selesai dalam tempoh enam bulan.

Pengerusinya, Tan Sri Razali Ismail, berkata apabila projek itu siap kelak, ia bakal menyumbang pendapatan yang besar kepada keseluruhan syarikat.

Katanya, pendapatan itu bakal diraih daripada bayaran daripada kerajaan bagi setiap tan MSW yang diterimanya serta penjualan balik tenaga elektrik.

Tenaga elektrik itu dijana menerusi tenaga boleh diperbaharui dari tapak berkenaan kepada Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Beliau berkata, penjualan tenaga

elektrik itu akan mengikut kadar yang dipersetujui seperti yang disediakan oleh Lembaga Pembangunan Tenaga Mampan (SEDA) melalui Tarif Galakan (FIT).

"Dengan pendapatan stabil dan berterusan diraih menerusi tapak pelupusan baru ini bersama-sama projek tenaga boleh diperbaharui lain, kami yakin mampu berdaya tahan dengan persekitaran ekonomi yang tidak menentu kini.

"Projek ini adalah tambahan kepada pendapatan berulang kami untuk masa depan, yang keseluruhannya bakal dijana projek tenaga boleh diperbaharui seperti jana kuasa solar 8 Mega Watt di Pajam, yang bakal menjual tenaga hijau kepada TNB bermula Mac 2012 untuk tempoh 21 tahun," katanya.

Sebelum ini, Cypark mengemukakan cadangan BOT projek itu kepada kerajaan untuk tempoh konsesi selama 25 tahun.

Projek yang bakal membabitkan pengurusan operasi merawat dan melupuskan sisa MSW sebahagian besar Negeri Sembilan itu dijangka bermula tahun ini dan siap dalam tempoh dua tahun.

Peringkat pertama projek di Ladang Tanah Merah itu akan membabitkan pembangunan tapak pelupusan terkawal, keperluan infrastruktur, kemudahan pemuliharaan bahan sebelum pembangunan loji jana kuasa tenaga boleh diperbaharui daripada bahan buangan

biojisim dan gas metana.



Dengan pendapatan stabil dan berterusan diraih menerusi tapak pelupusan baru ini bersama-sama projek tenaga boleh diperbaharui lain, kami yakin mampu berdaya tahan dengan persekitaran ekonomi yang tidak menentu kini

Razali Ismail
Pengerusi Cypark

